

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah ada kajian semula berkenaan jumlah bantuan bulanan kepada penerima sedia ada memandangkan kadar kos sara hidup semakin bertambah dan tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan ke arah hidup berdikari. Bantuan kebajikan yang diberikan **bukan untuk menampung kos sara hidup** sepenuhnya sebaliknya ia adalah untuk membantu **meringankan beban kewangan yang dialami** oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Bagi memastikan keperluan bantuan kepada penerima bantuan JKM mencukupi, Kerajaan sentiasa membuat **kaji semula mengenai kadar-kadar bantuan** yang disediakan secara berterusan. Terdapat skim-skim bantuan yang baharu turut diwujudkan seiring dengan keperluan semasa. Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh para akademik berkenaan dengan bantuan kebajikan JKM. Misalnya pada tahun 2017, satu kajian bertajuk **Kajian Keberkesanan Bantuan Kewangan JKM** telah dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM). Terkini, **Kajian Semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019** telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU JPM), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2019.

Semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2021, Kerajaan telah menaikkan kadar bantuan yang melibatkan skim berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU), Warga Emas dan Keluarga Miskin. Kenaikan kadar skim bantuan kebajikan adalah seperti berikut:

- i. **Bantuan Kanak-Kanak (BKK)** daripada RM100.00 kepada RM150.00 bagi seorang kanak-kanak dengan kadar maksimum RM1,000.00 sebulan satu (1) keluarga : Memberi manfaat kepada **63,184 keluarga miskin** dan sebanyak **RM206.3 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **Ogos 2021**.

- ii. **Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT)** daripada RM350.00 kepada maksimum RM500.00 mengikut keperluan kes : Memberi manfaat kepada **25,835 Penjaga OKU dan Pesakit Terlantar** dan sebanyak **RM106.8 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **Ogos 2021**.
- iii. **Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)** daripada RM250.00 kepada RM300.00: Memberi manfaat kepada **83,929 OKU** yang tidak bekerja dan sebanyak **RM202.5 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **Ogos 2021**.
- iv. **Elaun Pekerja OKU (EPOKU)** daripada RM400.00 kepada RM450.00 : Memberi manfaat kepada **92,625 OKU** yang bekerja dan sebanyak **RM329.6 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **Ogos 2021**.
- v. **Bantuan Warga Emas (BWE)** daripada RM350.00 kepada RM500.00 : Memberi manfaat kepada **138,214 Warga Emas** dan sebanyak **RM559.2 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **Ogos 2021**.

Kenaikan kadar berdasarkan kaji semula kadar bantuan JKM pada 2021 telah memberi manfaat kepada **403,887 penerima bantuan** yang terdiri daripada Warga Emas, Keluarga Miskin, Orang Kurang Upaya dan Pesakit Terlantar yang layak dan memerlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik OKU yang telah hilang pendapatan dan pekerjaan akibat pandemik COVID-19. Bagaimanakah Kementerian membantu mereka dan apakah tindakan terhadap majikan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius isu berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) bekerja yang terjejas mata pencarian, kesan daripada ancaman pandemik COVID-19.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah dengan menyediakan Bantuan Kewangan Khas OKU di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Sehingga 14 Oktober 2021, seramai 4,822 OKU bekerja yang didapati terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19 telah menerima bantuan kewangan sebanyak RM500.00 sebulan untuk tempoh tiga bulan bermula September hingga November 2021.

Inisiatif lain yang diambil oleh KPWKM bagi membantu OKU yang terjejas akibat pandemik COVID-19 adalah dengan melanjutkan kelulusan Elaun Pekerja OKU (EPOKU) kepada seramai 92,265 penerima tanpa mengira status pekerjaan mereka sama ada masih bekerja ataupun telah kehilangan pekerjaan.

Selain KPWKM, insentif PEMULIH turut ditawarkan oleh Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi membantu majikan mengekalkan pekerja dan mengawal pengurangan bilangan pekerja yang diberhentikan termasuk pekerja OKU.

KPWKM turut bekerjasama dengan KSM melalui PERKESO bagi menganjurkan Karnival Khas OKU di seluruh Malaysia khusus untuk golongan OKU mendapatkan pekerjaan dan mempromosi faedah menggajikan OKU yang ditawarkan oleh Kerajaan kepada majikan.

Sekian, terima kasih.